

Konflik Israel-Palestin: Malaysia ada peranan dalam OIC untuk cari jalan penyelesaian
Astro Awani
09 November 2020
Firdaus Azil

KUALA LUMPUR: Malaysia akan terus menyokong usaha jujur, konkrit, dan realistik untuk mencari jalan penyelesaian yang adil dan berkekalan berhubung isu konflik Israel-Palestin, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Luar Datuk Kamaruddin Jaafar (Bersatu-Bandar Tun Razak) berkata Malaysia akan sentiasa meneliti perkembangan di Asia Barat berhubung usaha normalisasi negara Israel dalam mengiktiraf penjajahan ke atas Palestin.

Ujarnya lagi, Malaysia akan menggunakan peranan sedia ada dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk merealisasikan hasrat melihat jalan penyelesaian yang berkekalan.

“Malaysia amat memahami ketidakpuasan hati pihak Palestin.

"Palestin berhak untuk menzahirkan kekecewaannya setelah sekian lama ditindas oleh rejim Israel.

"Malaysia akan terus menyokong usaha jujur, konkrit dan realistik untuk mencari jalan penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap konflik Israel-Palestin ini, berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB yang berkaitan melalui rundingan yang melibatkan pihak-pihak yang berkenaan," katanya lagi.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas-Sik) yang ingin mengetahui langkah-langkah proaktif bersama negara bersama badan antarabangsa seperti OIC bagi menyatakan bantahan berkaitan rancangan

ketidakadilan normalisasi negara Israel untuk mengiktiraf penjajahan mereka ke atas Palestin.

Dalam soalan tambahannya, Ahmad Tarmizi turut ingin mengetahui sekiranya Malaysia mempunyai perancangan untuk mengadakan forum antarabangsa bagi menggantikan peranan OIC yang beliau dakwa lesu dalam mempertahankan kedaulatan Palestin.

Menjawab persoalan itu, Kamaruddin berkata Malaysia secara umum menganggap PBB dan OIC masih mempunyai peranan yang boleh dimainkan dalam usaha mencari jalan penyelesaian.

“Sekarang pun Malaysia merupakan ahli jawatan kuasa dalam OIC mengenai isu Palestin; Malaysia juga anggota kumpulan perhubungan dalam PBB untuk pertahankan Al Quds Al-Sharif.

“Kita ada yang boleh dimainkan, khususnya dalam OIC.

"Saya yakin jika kita teruskan dan tingkatkan lagi peranan, kita akan capai kejayaan tanpa kita didesak untuk wujudkan platform lain," katanya lagi.

Dalam pada itu, menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) mengenai perubahan struktur kepimpinan Amerika Syarikat akan membawa dimensi baharu dalam usaha penyelesaian konflik Israel-Palestin, Kamaruddin berkata Malaysia akan terus memantau perkembangan tersebut.

“Sudah tentu kita punyai dan letakkan harapan supaya perubahan pentadbiran AS, dan kita baca kenyataan-kenyataan sebelum ini, sedikit memberi harapan positif untuk baik dalam suasana sekarang,” katanya lagi.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/konflik-israelpalestin-malaysia-ada-peranan-dalam-oic-untuk-cari-jalan-penyelesaian-267555>